AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

# 11 kematian, Selangor masih tertinggi

**PUTRAJAYA:** Malaysia mencatatkan 11 kes kematian akibat Covid-19 semalam membabitkan pesakit berusia 50 hingga 81 tahun.

Kesemua tujuh pesakit wanita dan empat pesakit lelaki yang meninggal dunia itu mempunyai latar belakang penyakit seperti darah tinggi, jantung, strok, kemurungan, dislipidemia, obesiti, buah pinggang dan gout.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor merekodkan kes baharu tertinggi dengan 459 kes diikuti Sabah iaitu sebanyak 310 kes dan Johor sebanyak 78 kes.

"Bagi kes harian baharu, kita merekodkan keseluruhan 1,075 kes dan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 69,095 kes.

"Jumlah kes aktif kebolehjangkitan pula adalah 10,802 kes dan sebanyak empat kluster baharu dikesan.

"Kes sembuh pula adalah sebanyak 948 kes dan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 57,917 kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Noor Hisham berkata, jumlah kluster aktif sebanyak 184 kluster dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 43 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini.